

Biografi Tengku Abdullah menang Anugerah Buku Negara

Oleh SHAHRULANOOR ISHAK

KUANTAN - Karya biografi diraja berjudul *Mutiara Mahkota: Tengku Abdullah al-Hajj* terbitan Penerbit Universiti Malaysia Pahang (UMP)

meraih Anugerah Buku Negara 2018 Kategori Umum Terbaik pada Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur baru-baru ini.

Buku setebal 296 halaman tersebut dihasilkan oleh pensyarah undang-undang di Fakulti Pengurusan Industri, Wan Nazrul Helmy Wan Mohd. Zain dan Pereka Kanan Pejabat Naib Canselor, Azman Md. Diah.

Wan Nazrul Helmy berkata, mereka menjalankan pelbagai peringkat penyelidikan selama empat tahun termasuk menyemak

manuskrip sejarah Kesultanan Pahang sebelum Tengku Abdullah yang kini Pemangku Raja Pahang membuat pengesahan berhubung setiap fakta yang disampaikan menerusi buku tersebut.

"Bagi menghidupkan kandungan buku ini seperti sebuah 'muzium' yang mudah dibawa bersama, kerangka naratifnya distrukturkan berdasarkan teknik *zine* (teknik penulisan kreatif kontemporari) yang popular di Barat tetapi jarang digunakan dalam karya tempatan," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* kelmarin.

Anugerah tersebut disampaikan Presiden Majlis Profesor Negara (MPN), Prof. Datuk Dr. Raduan Che Rose di Hotel Seri Pacific Kuala Lumpur.

Turut menghiasi kandungan buku yang mengandungi enam bab penyampaian tersebut ialah 42 rangkap *'Syair Tengku Mahkota'* nukilan Wan Nazrul Helmy yang juga Ketua Penyelidik di Pejabat Naib Canselor.

Selain itu, ia turut memuatkan koleksi 158 foto riwayat hidup Tengku Abdullah dan sejarah Kesultanan Pahang yang diperoleh daripada pelbagai sumber dari dalam dan luar negara.

Dalam pada itu, Pengarah Penerbit UMP, Prof. Madya Dr. Abdul Ghani Awang berkata, kejayaan memenangi anugerah tersebut juga membuktikan universiti itu mampu meneroka kajian ketokohan secara biografi bagi tujuan ilmiah sehingga memperoleh pengiktirafan.



AZMAN (kiri) bersama Abdul Ghani (dua dari kiri), Wan Nazrul (dua dari kanan) dan pembantu Penyelidik, Mohd Mukhris Awang menunjukkan buku *Mutiara Mahkota: Tengku Abdullah al-Hajj* dan Anugerah Buku Negara yang dimenangi di Hotel Seri Pacific, Kuala Lumpur baru-baru ini.